

BULLETIN

Jabatan Laut Malaysia

APRIL 2021
EDISI 04



**Egypt's Suez Canal
blocked by huge
container ship**

Why is maritime important?

" We ship food, technology, medicines, and memories. As the world's population continues to grow, particularly in developing countries, low-cost and efficient maritime transport has an essential role to play in growth and sustainable development. ... Maritime transport is the backbone of global trade and the global economy "



@lautmy



Jabatan Laut Malaysia



jabatanlaut

Isi kandungan

03 **info menarik**

Siapakah yang membina terusan Suez?

04 **Covid 19**

Vaksinasi

CAKNA JLM

05 KUNJUNGAN HORMAT & LAWATAN

07 PROGRAM & BENGKEL

12 PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

MEDIA

14 KEJADIAN KAPAL MALAYSIA (KM) REEF EXPLORER TENGCELAM BERDEKATAN PULAU TUBA 31 MAC 2021

KEJADIAN KEBOCORAN AMMONIA KAPAL MV HAMBURG DW 07 APRIL 2021

KEJADIAN INSIDEN KREW KAPAL RAPALLO 08 APRIL 2021

KEJADIAN KEBAKARAN DI DEK KAPAL MV INTERASIA CATALYST 10 APRIL 2021

15 **SuDut KreaTif**

FAKTA PELIK

16 **Baca/Read**

Hindari Perkara Maksiat ketika Berpuasa

17 **Dapur JLM** **RESEPI SHELLOUT**



Ketua Editor
Muhammad
Shuhaimi Bin
Abd Rahman



Penasihat
YBhg Dato' Haji
Baharin Bin
Dato' Abdul Hamid



Egbert
Adolf
Naintin



Reeta
Francis



Norhayati
Binti
Ibrahim



Muhammad
Zulhafeez
Bin Shaidin



Sharifah
Taherah Binti
Shabbir
Ahmad



Asrul Hafandi
Bin Awang
Haji



Siti
Norparlila
Binti
Sidek

Siapakah yang membina terusan Suez?



Terusan ini yang pada awalnya dimiliki oleh pelabur Perancis, dikuasai ketika Mesir berada di bawah kawalan Kerajaan Uthmaniyyah pada pertengahan abad ke-19. Pembinaan dimulakan pada Pelabuhan Said pada awal 1859 dan penggalian mengambil masa selama 10 tahun. Projek ini memerlukan anggaran 1.5 juta pekerja untuk disiapkan.

Mengikut catatan sejarah, sewaktu pembinannya dahulu, 20000 orang pekerja baru dibawa masuk setiap 10 bulan untuk bekerja dalam projek pembinaan terusan ini. Hal ini disebabkan keadaan tempat kerja yang teruk sehingga menyebabkan ramai pekerja mati akibat penyakit kolera dan pelbagai penyakit lain.

Pergolakan politik di Mesir melawan kuasa kolonial Britain dan Perancis memperlahankan proses pembinaan terusan dan telah meningkatkan kos perbelanjaan untuk projek ini. Kos untuk menyiapkan keseluruhan projek ini adalah 2 kali ganda daripada kos awal yang hanya dianggarkan sekitar \$50 juta.

Terusan Suez merupakan sebuah laluan air atau terusan di Mesir yang menghubungkan Laut Mediterranean dan Laut Merah. Terusan ini jugalah yang memisahkan antara benua Afrika dan Asia.

VACCINE

#kitajagakita

#kitajaganegara

#daruratcovid19

Wilayah Selatan



Wilayah Timur



Wilayah Labuan & Laut China Selatan



Wilayah Utara



— Kunjungan Hormat & Lawatan —

Kunjungan hormat daripada Ketua Unit Integriti, MOT, YBhg. Dato' Tan Kang Sai bersama Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Integriti, MOT ke Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia, Pelabuhan Klang
05 April 2021, Pelabuhan Klang



Melawat ke Vessel Traffic Service (VTS), Klang

Sesi kunjungan diakhiri dengan lawatan ke kapal MV Polaris.



Lawatan Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan) ke MATRAIN

07 April 2021, Pulau Indah

YBhg Dato' Hazman bin Hussein, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan) telah membuat lawatan ke fasiliti latihan di MATRAIN.

Lawatan Kerja Pegawai Malim Terminal Maritim Teluk Rubiah.

06 April 2021, Pusat Simulator Anjungan Kapal MATRAIN

Tujuan lawatan Pegawai Malim adalah bertujuan untuk mendapat pengalaman operasi Full Mission Bridge Simulator.



Lawatan Kerja JLM Wilayah Selatan Ke Desaru Coast Ferry Terminal - Pejabat Laut Desaru

19 April 2021, Desaru

Lawatan kerja yang diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Abdul Majid bin Rais, Timbalan Pengarah Laut Wilayah Selatan bertempat di Desaru Custom & Immigration Complex, Desaru Coast Ferry Terminal, Pengerang Kota Tinggi, Johor.


Kunjungan Hormat & Lawatan

**Lawatan Kerja YB Datuk
Haji Hasbi Bin Haji
Habibollah Selaku
Timbalan Menteri
Pengangkutan Malaysia Ke
Institut Latihan
Pengangkutan Laut
(MATRAIN) Cawangan
Kuala Baram, Miri,
Sarawak**

**20 April 2021, Institut Latihan
Pengangkutan Laut (MATRAIN),
Cawangan Kuala Baram**



YB Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah meninjau segala aset kemudahan yang sedia ada di MATRAIN Cawangan Kuala Baram bagi Pelaksanaan Kursus dan Latihan, Pejabat Pentadbiran, Blok Latihan serta Blok Kediaman dan Jeti.



Pelbagai isu telah dibincangkan di dalam pertemuan tersebut, antaranya bidang kerjasama di antara dua agensi ini di dalam mengukuhkan pengawalan terhadap amalan rasuah, perkongsian maklumat dan sebagainya.

Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia, YBhg. Dato' Baharin Bin Dato' Abdul Hamid bersama delegasi Pengurusan Tertinggi JLM telah membuat kunjungan hormat ke atas Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Datuk Seri Azam Baki di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

26 April 2021, Putrajaya



**Lawatan ke Kompleks Kuala Lumpur Air
Traffic Control Centre (KL ATCC),
Sepang.**

26 April 2021, Kuala Lumpur International Airport (KLIA)

Lawatan dibuat adalah untuk melihat teknologi terkini dan prosedur yang boleh diadaptasi di dalam menambah baik perkhidmatan Vessel Traffic Service oleh JLM selari dengan Pelan Strategik JLM iaitu kearah mengaplikasikan teknologi dalam sektor maritim selaras dengan Revolusi Industri 4.0.



Daftar Keluar (Sign Off) Sebahagian Lagi Kru Non Essential Kapal Persiaran **ORIENTAL DRAGON** Dalam Fasa Ke-3 Proses Repatriasi (Pemulangan) Kru Kapal Tersebut Ke Negara Asal



02 April 2021, Had Pelabuhan Pulau Pinang -
Tahniah Ketua Pejabat Laut Pulau Pinang diatas
kejayaan proses rundingan kompleks repatriasi
kru Kapal Persiaran Oriental Dragon.

@lautmy



30 Mac - 2 April 2021, Perairan - Pulau Jarak, Perak -
Pengarah Laut Wilayah Utara melancarkan Culture
Transformation Programme (CTP) 01/2021 peringkat
Jabatan Laut Wilayah Utara



**Culture
Transformation
Programme (CTP)
01/2021 Jabatan Laut
Wilayah Utara**



Penyerahan Slip Keputusan Peperiksaan kepada sebahagian dari 36 peserta kursus Mualim Pelayaran Domestik < 500 GT (Terhad)



03 - 05 April 2021, Pokok Sena, Kepala Batas, Pulau Pinang -
Pengarah Laut Wilayah Utara menyerahkan Slip Keputusan
Peperiksaan kepada sebahagian
dari 36 peserta kursus Mualim
Pelayaran Domestik < 500 GT
(Terhad) yang lulus Ujian Lisan
pada hari ke-3 selepas para
peserta menjalani 2 hari kursus
tersebut. Kursus kali ini
merupakan Kursus kali ke-2 dalam
tahun 2021 yang berjaya dianjurkan
Wilayah Utara bersama Kumpulan
Wang Pusat Perdagangan Laut
(KWPPL) dengan kerjasama
strategik HAAS Maritime
Sdn Bhd yang beribu pejabat di
Butterworth dengan tujuan
pengisian aspek keselamatan bot
memancing dan penumpang
disamping meningkatkan
pendapatan para peserta.





Sesi libat urus bersama Persatuan Bot-Bot Sewa Pelancong Daerah Mersing Anjuran Bahagian Pendaftaran Kapal & Jabatan Laut Wilayah Selatan



08 April 2021, Pejabat Daerah Mersing - Objektif sesi libat urus ini bagi mendengar permasalahan yang dihadapi oleh pihak persatuan dalam memastikan bot-bot berlesen ini dapat beroperasi dalam situasi sukar semasa pandemik COVID-19 ini.



Matrain Talk 2021 Siri 1 Pelaut Tonggak Masa Depan Perkapalan Di Malaysia



07 April 2021, Pulau Indah - Peranan Utama Pelaut di Perdagangan Dunia (Seafarers' Vital Role in World Trade) disampaikan oleh YBhg. Dato' Hazman Bin Hussein, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Laut Malaysia

Mesyuarat Jawatankuasa Badan Peneraju Industri (ILB) Sektor Perkapalan Dan Pelabuhan Bil. 1/2021.

06 April 2021, Pulau Indah - Jabatan Laut Malaysia telah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Badan Peneraju Industri (ILB) Sektor Perkapalan Dan Pelabuhan Bil. 1/2021.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dato' Hazman Bin Hussein, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan), dan turut disertai oleh Ts. Dr. Julyus Melvin Mobilik, Pengarah MATRAIN serta kakitangan MATRAIN yang lain. Tambahan juga, sesi mesyuarat ini turut disertai oleh badan berautoriti seperti lembaga dan suruhanjaya pelabuhan, wakil-wakil industri, Institut Latihan Maritim (ILM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), dan persatuan - persatuan berkaitan maritim secara atas talian.



Tujuan Mesyuarat ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada pemain industri tentang peranan dan tanggungjawab ILB. Antaranya adalah bagi membincangkan mekanisme terbaik dalam memartabatkan TVET, mempromosikan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM), dan membangunkan National Occupation Skills Standard (NOSS) kepada industri.

lanya adalah tanggungjawab bersama bagi mengurus perdana latihan kemahiran dalam sektor perkapalan dan pelabuhan khususnya.



Sesi Bersama YBhg. Ketua Pengarah Laut di Wilayah Utara

09 April 2021, Gelugor, Pulau Pinang - YBhg Dato' Ketua Pengarah Laut Malaysia mengambil peluang menemui pegawai dan pelaksana kanan yang bertugas di Gelugor, Wilayah Utara untuk menerangkan mengenai perkara-perkara yang menggugat Integriti Jabatan Laut Malaysia (JLM) yang menyentuh pelbagai aspek seperti Amanah, Kebolehpercayaan, Bertanggung jawab sepenuhnya atas tindakan dan keputusan, Etika kerja serta pematuhan kepada prinsip moral sejagat dan tatakelakuan.



Jemputan Menembak Bersama Pasukan STAR APMM



10 April 2021, Lapang Sasar PDRM, Banting - Seramai lima pegawai JLM telah dijemput menghadiri sesi latihan menembak bersama Pasukan Tindakan dan Penyelamat (STAR) APMM bertujuan memberi maklumat berhubung tugas dan tanggungjawab APMM dalam memastikan kedaulatan perairan maritim Malaysia diutamakan.



Penyelesaian aduan di tahap 99%. Jabatan Laut Malaysia



16 April 2021, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Putrajaya - Unit Korporat Jabatan Laut Malaysia telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Aduan (JKTPA) Bil.1/2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Nakhoda, Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Selari dengan pencapaian penyelesaian aduan pada tahun 2020 dengan kadar penyelesaian aduan di tahap 99%. Jabatan Laut Malaysia turut diberikan sijil penghargaan diatas pencapaian tersebut daripada pihak kementerian.



Ketua Pejabat Laut Negeri Perlis mengiringi DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan ke Langkawi Bandaraya Pelancongan.



9 April 2021, Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis, Perlis, Wilayah Utara - Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis merupakan salah satu dari 2 Gateway utama ke Langkawi yang berada di bawah kawalselia Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan memberi perkhidmatan berkualiti yang melebihi ekspektasi merupakan salah satu dari 8 elemen Penjenamaan Semula JLM yang digariskan di dalam Pelan Strategik JLM 2019 - 2023. Wilayah Utara komited dalam memainkan peranan peneraju dalam menjayakan Pelan Strategik JLM di atas.



09 & 10 April 2021, Perairan Pulau Perhentian, Kuala Besut, Terengganu - Objektif OPS SEDAR adalah untuk memastikan tahap keselamatan bot yang membawa pelancong berada dalam keadaan selamat dengan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.


Selain itu, objektif berikutnya adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap aspek-aspek keselamatan semasa di atas bot dengan penggunaan alat keselamatan seperti pelampung keselamatan (lifebouv), jaket keselamatan (lifejacket), perakuan pelaut, kapasiti penumpang, lesen bot yang sah laku dan perlindungan insurans terutamanya apabila pelancong menaiki bot.

Kempen Kesedaran dan Keselamatan Bot Penumpang (OPS SEDAR) serta Hari Bertemu Pelanggan peringkat Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur



Gotong royong Persatuan Penduduk Pangsapuri Jabatan Laut Malaysia (JLM), Gelugor

11 April 2021, Gelugor, Pulau Pinang, Wilayah Utara - Timbalan Pengarah Laut Wilayah Utara (Pengurusan) mengetuai ahli-ahli Persatuan Penduduk Pangsapuri Jabatan Laut Malaysia (JLM), Gelugor menjalankan gotong royong sebagai persediaan aktiviti mengimarahkan Surau Pangsapuri sempena ketibaan bulan Ramadhan Al Mubarak 2021 pada 13 April 2021 (Selasa) minggu hadapan.



Sumbangan oleh Pengarah Laut Wilayah Tengah, Tuan Hj. Baharudin bin Zakaria kepada dua orang kakitangan yang bertugas Rumah Api Pne Fanthom Bank



12 April 2021, Port Klang - Sempena bulan Ramadhan 1442H, Jabatan Laut Wilayah Tengah meraikan kakitangan yang bertugas di Rumah Api One Fathom Bank di perairan Selat Melaka demi memastikan Kawasan Pelayaran Negara sentiasa berada dalam keadaan selamat pada bila-bila masa.

— Program & Bengkel —



Majlis Penghargaan dari YB Ahli Parlimen Langkawi dan YB Menteri Pembangunan Luar Bandar atas sumbangan KWPPPL dan BKIM Wilayah Utara dalam menyediakan program Mualim Pelayaran Domestik <500 GT (Terhad) kepada pelaut berpendapatan rendah B40 di Langkawi Bandaraya Pelancongan

16 April 2021, Masjid Al Ehsan, Temonyong, Langkawi, Kedah - Kerjasama dan penglibatan dari Setiausaha KWPPPL, En Mohd Nurrul Faiz bin Mohd Taib bersama En Mohd Nor Faizal Hassan, Pegawai Laut JLW Utara telah menghadiri majlis tersebut yang mana simbolik perasmian telah disempurnakan oleh Menteri KPLB YB Datuk Dr. Abd Latiff bin Ahmad & Ahli Parlimen Langkawi YB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad



Program Ihya' Ramadhan bersama Al-Fadzil Ustaz Hanafiah Abdul Malek - KERJA SATU IBADAH

22 April 2021 - MATRAIN, PULAU INDAH - Pegawai yang hadir pada program tersebut terdiri dari pegawai dan kakitangan Matrain, Ibu Pejabat Laut dan Wilayah Tengah

Program diadakan secara bersemuka dan juga tele-sidang.



Sesi latihan penggunaan perisian sesawang E-Nav telah dianjurkan oleh Wakil Pegawai Penguasa, Ibu Pejabat Laut bersama syarikat Greenfinder Sdn Bhd dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Trafik Dan Bantuan Pelayaran (BTPBP) Wilayah Timur.

27 & 28 April 2021, Timur - Seramai 16 orang peserta (untuk 2 sesi) terdiri daripada Ketua Bahagian, Ketua Pejabat dan staf Wilayah Timur menghadiri latihan tersebut.

Latihan ini bertujuan untuk memastikan semua Pegawai dan staf yang berkaitan diberi pendedahan dan pengetahuan dengan kemudahan sistem E-Nav untuk kerja-kerja pemantauan Alat Bantuan Pelayaran dan operasi harian yang berkaitan dengan pemantauan di laut.



Pemeriksaan dan penyelenggaraan Alat Bantuan Pelayaran (ABP)

30 Mac - 2 April 2021, Perairan Lumut, Perak - Pasukan Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) Wilayah Utara menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan Alat Bantuan Pelayaran (ABP) di perairan sekitar Had Pelabuhan Lumut sehingga Pulau Jarak, Perak dalam program pemeriksaan mandatori ABP di bawah kawal selia Wilayah Utara.



Pemeriksaan Kawalan Negara Pelabuhan (Port State Control Inspection)

5 April 2021, Had Pelabuhan Lumut, Perak - Port State Control Officer (PSCO) dari Pejabat Laut Lumut menjalankan Pemeriksaan Kawalan Negara Pelabuhan (Port State Control Inspection) ke atas kapal semasa kapal tersebut menjalankan aktiviti menurunkan kargo arang batu di Lekir Bulk Terminal di dalam Had Pelabuhan tersebut.

Malaysia melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) adalah salah sebuah dari 21 Negara Ahli kepada Memorandum Persefahaman Pemeriksaan Kawalan Negara Pelabuhan di Rantau Asia Pasifik (The Memorandum of Understanding on Port State Control in the Asia-Pacific Region - Tokyo MOU) yang aktif menjalankan pemeriksaan ke atas kapal-kapal berpendaftaran Negara asing yang memasuki perairan Malaysia.



Pegawai Ketua Pejabat Laut Lumut menyertai Pasukan Pemeriksa Penilaian Pelupusan Jabatan Laut Malaysia (JLM) bagi menjalankan pemeriksaan aset TLDM - kapal EX MUTIARA milik Kementerian Pertahanan Malaysia



7 & 8 April 2021, Pangkalan Tentera Laut Di-Raja Malaysia (TLDM) Lumut, Perak . Pasukan Pemeriksa ini turut dianggotai oleh pegawai-pegawai ibu Pejabat JLM dari Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM) dan Bahagian Operasi Maritim (BOM). Asisten Ketua Staf Logistik, Markas Pemerintahan Armada Barat Pangkalan TLDM, Lumut, Ketua Penolong SetiaUsaha (KPSU) Cawangan Pengurusan Aset Kementerian Pertahanan dan pegawai TLDM lain turut hadir dalam pemeriksaan itu.

Kementerian Pertahanan telah memohon khidmat nasihat dan kepakaran teknikal JLM bagi melaksanakan penilaian harga pelupusan kapal EX- MUTIARA tersebut yang telah didaftar sebagai kapal hidrografi pada tahun 1977 dan telah ditamatkan tauliah pada tahun 2018.

—Penguatkuasaan & Operasi—

Pemeriksaan pengesahan alat keselamatan dan butiran pendaftaran ke atas IBU WIRA 1, vesel menangkap ikan tuna milik Alpha Ocean Resources Berhad (AORB) Group

15 April 2021, Batu Maung, Pulau Pinang, Wilayah Utara - Ketua Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM) Wilayah Utara bersama Pemeriksa Kapal dari Pejabat Pendaftaran Kapal-Kapal Malaysia Pulau Pinang menjalankan pemeriksaan pengesahan alat keselamatan dan butiran pendaftaran ke atas IBU WIRA 1, vesel menangkap ikan tuna milik Alpha Ocean Resources Berhad (AORB) Group yang baru dilancarkan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan Malaysia.



Malaysia sebagai ahli Indian Ocean Tuna Commission (IOTC) menyasarkan sebanyak 70 vesel menangkap ikan tuna berdaftar dengan bendera Malaysia dan dilesen untuk menangkap ikan tuna di Lautan Hindi menjelang tahun 2030 dan Pejabat Pendaftaran Kapal-Kapal Malaysia Pulau Pinang bertekad untuk memberi perkhidmatan terbaik dan profesional bagi melancarkan proses pendaftaran vesel menangkap ikan bendera Malaysia ini.



Pemeriksaan Carving and Marking ke atas bot tunda BOMBER 102 dan baj MANJUNG 10



21 April 2021, Had Pelabuhan Lumut, Perak, Wilayah Utara - Ketua Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM) Wilayah Utara mengetuai pasukan Pemeriksa Kapal dari Pejabat Pendaftaran Kapal-Kapal Malaysia Pulau Pinang menjalankan pemeriksaan Carving and Marking ke atas bot tunda BOMBER 102 dan baj MANJUNG 10 bagi melengkapkan proses pengeluaran Sijil Pendaftaran Kapal Malaysia.

(Port State Control Inspection) ke atas kapal Bulk Carrier - CASTELLANI berpendaftaran Valleta, Malta

28 April 2021, Had Pelabuhan Pulau Pinang, Wilayah Utara - Pasukan Port State Control Officers (PSCOs) Ketua Pejabat Laut Negeri Pulau Pinang menjalankan Pemeriksaan Kawalan Negara Pelabuhan (Port State Control Inspection) ke atas kapal Bulk Carrier - CASTELLANI berpendaftaran Valleta, Malta semasa kapal tersebut menjalankan aktiviti di dalam Had Pelabuhan tersebut. Kapal-kapal pendaftaran asing jenis Bulk Carrier ini mempunyai turnaround time operasi yang lebih lama di Pelabuhan, seterusnya memberi lebih peluang kepada PSCOs Pulau Pinang menjalankan pemeriksaan



THE NEWS

31 MAC 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA – UNTUK SIARAN SEGERA

KEJADIAN KAPAL MALAYSIA (KM) REEF EXPLORER TENGGELAM BERDEKATAN PULAU TUBA

31 Mac 2021 (Rabu) - PULAU TUBA, LANGKAWI – Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara telah menerima maklumat berkenaan sebuah Kapal berpendaftaran Port Kelang kelas Kapal Malaysia (KM) REEF EXPLORER telah tenggelam di Lat 06° 13.65'N Long 99° 52.88'E (berdekatan Pulau Tuba) anggaran lebih kurang jam 1357H.

Insiden tersebut
keperluan hari
Namun begitu,



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA – UNTUK SIARAN SEGERA

KEJADIAN KEBOCORAN AMMONIA KAPAL MV HAMBURG DW 07 APRIL 2021

PULAU INDAH - Jabatan Laut memantau rapat kejadian insiden berkaitan kejadian kebocoran Ammonia Kapal **MV Hamburg DW** yang sedang berlayar ke Pelabuhan Zhanjiang, China dari Pelabuhan Al Duqum di Oman.

Susulan insiden, Jabatan Laut Malaysia melalui Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah telah menubuhkan satu pasukan penyiasat dibawah Sek. 334(1) MSO 1952 bagi mengenal pasti punca kejadian.

07 APRIL 2021

08 APRIL 2021



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA – UNTUK SIARAN SEGERA

KEJADIAN INSIDEN KREW KAPAL RAPALLO 08 APRIL 2021

PORT DICKSON - Jabatan Laut Malaysia melalui Jabatan Laut Wilayah Tengah telah menerima satu maklumat berkaitan insiden krew Kapal **MV Rapallo (Bulk Carrier)** di Terminal Jimah Energy Ventures (JEV), Port Dickson, Negeri Sembilan.

Kejadian ini melibatkan kecederaan Romania yang melecur akibat terli tugas di bilik enjin kapal. Namun mengenalpasti punca sebenar.



JABATAN LAUT MALAYSIA

SIARAN MEDIA – UNTUK SIARAN SEGERA

KEJADIAN KEBAKARAN DI DEK KAPAL MV INTERASIA CATALYST

PELABUHAN KLANG - 1151hrs, Jabatan Laut Malaysia melalui Jabatan Laut Wilayah Tengah telah menerima laporan terkini berkaitan insiden kebakaran melibatkan sebuah kapal kontena **MV INTERASIA CATALYST (IMO no. 9439711)** di Pelabuhan Klang.

Kapal berlepas dari Pelabuhan Klang ke Cochin, India diarahkan berpatah balik ke Pelabuhan Klang setelah dimaklumkan terdapat asap yang keluar dari sebilangan kontena di dek kapal.

10 APRIL 2021

DIALUKAN-ALUKAN KEPADA SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN JLM YANG BERMINAT UNTUK BERKONGSI CERPEN PENDEK, NUKILAN RINGKAS DAN BERKARYA UNTUK DIMASUKKAN KE DALAM BULETIN JABATAN LAUT MALAYSIA.



KEMPEN 10 MINIT MEMBACA DIKALANGAN PEGAWAI
DAN KAKITANGAN JABATAN LAUT MALAYSIA

FAKTA PELIK...

THE FACTS

Senarai di bawah ialah tujuh fakta pelik yang menarik untuk diketahui.

- Dalam tempoh 18 bulan, dua ekor tikus boleh membiak lebih dari SEJUTA ANAK TIKUS.
- Satu-satunya makanan yang tidak akan busuk ialah MADU.
- Setiap lipstik mengandungi SISIK IKAN.
- Nama yang paling banyak digunakan di dunia ialah MOHAMMED.
- Persamaan di antara BAJU KALI PELURU, PRINTER LASER, TANGGA KECEMASAN dan WIPER KENDERAAN ialah semuanya ditemui oleh perempuan.
- Memakai headphone selama satu jam dapat menstimulasi perkembangan BAKTERIA dalam telinga sebanyak 700 KALI GANDA.
- Siput boleh tidur selama 3 TAHUN.
- Bunyi yang dikeluarkan apabila anda mematahkan-matahkan sendi tangan, jari atau kaki adalah disebabkan oleh letupan buih di dalam sendi itu.
- Planet Pluto mengambil masa 248 tahun utk mengelilingi matahari. Setiap 20 tahun ia mengubah orbitnya bagi mengelak dari berlanggar dengan planet Neptune.
- Di Albania, menggelengkan kepala bermaksud 'ya' dan mengganggu bermaksud tidak.
- Kebanyakan debu yang berterbangan di dalam rumah datang dari sel-sel kulit kita yang mati.
- Perut akan menghasilkan satu lapisan mucus yang baru setiap 2 minggu untuk melancarkan proses penghadaman.
- Kandungan emas di laut adalah 200 kali ganda lebih banyak berbanding di daratan.
- Jika semua salur darah dalam tubuh manusia dicantumkan ia boleh meliputi jalan raya sepanjang 96,000 km.

HINDARI PERKARA MAKSIAH KETIKA BERPUASA

Daripada Abu Hurairah RA lagi katanya bahawa Nabi SAW bersabda : “Sesiapa yang tidak meninggalkan percakapan bohong dan berkelakuan keji lagi buruk sedangkan dia berpuasa, baginya tidak ada kelebihan di sisi Allah selain daripada lapar dan dahaga sahaja yang didapatinya.”

(Riwayat al-Bukhari)



Huraian Hadith :

Orang yang berpuasa sedangkan mereka tidak memelihara lidah (percakapannya) dan juga masih melakukan maksiat, tidak akan diberi pahala oleh Allah SWT ke atas puasa mereka selain lapar dan dahaga sahaja.

Puasa yang paling istimewa di sisi Allah SWT ialah mereka yang dapat menahan lapar dan dahaga serta menjaga pancaindera mereka daripada melakukan maksiat dan dosa disamping menambahkan amal ibadat lain sepanjang mereka berpuasa.

Sumber : Kitab Riyadhhus Salihin (e-hadith JAKIM)




LAILATULQADAR ✓

LAILATUL QADAR ✕

Satu malam daripada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan mengikut pendapat sebahagian ulama, dan jika seseorang melakukan amal ibadah pada malam itu, ganjaran pahalanya jauh lebih besar daripada ganjaran ibadah seribu bulan dan malam ini juga permulaan turunnya al-Quran.

Sumber: *Kamus Dewan Perdana*
DBP, 2020








@DBPMalaysia

Perkongsian dari Dewan
Bahasa Pustaka



RESEPI SHELLOUT

Bahan-bahan:-

- | | |
|---|--|
| 1 kg ketam | 4 batang serai *diketuk |
| 1/2 kg sotong | 3 sudu makan sos tiram |
| 1/2 kg udang | 3 sudu makan sos cili |
| 1 biji jagung manis **potong dan rebus | 3 sudu makan serbuk kari ikan Baba's |
| 6 biji bawang merah | 2 tangkai daun kari |
| 6 biji bawang putih | 4 helai daun limau purut |
| halia besar ibu jari | Carrot, brokoli, bunga kubis agak2-agak je |
| 5 tangkai lada kering *sikit je sebab lada yang saya guna ni jenis pedas. | 1 kiub ayam |
| | sedikit hirisan lemon *hiasan* |

Cara Penyediaan

1. POTONG & CELUR

Mula-mula kita potong sayur carrot, brokoli dan bunga kubis. Siang seafood. Basuh bersih semua sekali. Kemudian celur dengan air panas. Masa celur ketam, sotong dan udang, air rebusannya simpan sedikit utk masukkan dalam sos/kuah nanti.

2. KISAR BAWANG

Kisar bawang merah, bawang putih, lada kering dan halia. Ketepikan.

3. TUMIS

Kemudian masukkan daun kari dan barulah masukkan bahan-bahan kisar. Tumis sampai naik bau dan pecah minyak.

4. MASUKKAN SERBUK KARI

Masukkan bancuhan serbuk kari, lepas tu tumis sampai pecah minyak sekali lagi.

5. TAMBAH SOS TIRAM & SOS CILI

kemudian masukkan sos tiram, sos cili.

6. MASUKKAN AIR REBUSAN, ASAM JAWA & PERASAKAN

Masukkan air rebusan seafood, asam jawa, gula, kiub ayam/ kalau tiada kiub ayam masukkan garam dan perasa. Perasakan secukup rasa masam manis, masin, pedas semua. Masukkan daun limau purut.

7. GAULKAN SEAFOOD

Masukkan seafood. Balik2 kan sampai sebat...

SIAPPP!!!

SELAMAT MENCUBA!

